

**Penubuhan dan Sumbangan Majlis Agama Islam di Negeri-Negeri Melayu
Prakemerdekaan, 1915-1957**
*(The Establishment and Contributions of Islamic Religious Councils in the Malay States
Before Independence, 1915–1957)*

Fitrah Nur Tasha Izzati Rosaidi,^a Abu Hanifah Haris^b & Muhammad Nu'man Mohd Nasir^c

Abstrak

Fokus makalah ini ialah untuk mengenal pasti peranan dan sumbangan Majlis Agama Islam di Negeri (MAIN) sebagai institusi autoritatif yang mengurus dan menyelaras hal ehwal agama Islam di negeri-negeri Melayu sebelum merdeka. Objektif makalah ini ialah mengkaji sejarah penubuhan MAIN di Negeri-Negeri Melayu sebelum merdeka, dan membincangkan sumbangan MAIN dari tahun 1915 sehingga tahun 1957 dalam aspek kewangan, pendidikan dan pentadbiran Islam. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan merujuk sumber primer dan sekunder. Hasil kajian mendapati tanggungjawab-tanggungjawab yang diamanahkan kepada MAIN hampir sama di seluruh negeri iaitu menguruskan harta baitumal, mengutip zakat dan fitrah, membina dan menguruskan surau dan masjid, mengawal selia hal nikah dan cerai serta mengutamakan pendidikan agama untuk pelajar-pelajar. Hal ini demikian kerana, perkara-perkara tersebut mempunyai kaitan yang erat dengan prinsip pentadbiran Islam. MAIN juga berperanan menjadi penasihat agama kepada Sultan selain berfungsi dalam memartabatkan perundangan Islam di negeri-negeri Melayu.

Kata kunci: Majlis Agama Islam, MAIN, Pentadbiran Islam

Abstract

The focus of this paper is to identify the roles and contributions of the State Islamic Religious Councils (Majlis Agama Islam Negeri di Negeri-Negeri, MAIN) as authoritative institutions responsible for managing and coordinating Islamic religious affairs in the Malay states prior to independence. The objective of this paper is to examine the history of the establishment of the MAINs in the Malay states before independence, and to discuss their contributions from 1915 to 1957 in the areas of finance, education, and Islamic administration. This study adopts a qualitative approach by referring to both primary and secondary sources. The findings indicate that the responsibilities entrusted to the MAINs were largely similar across the states, namely managing baitulmal assets, collecting zakat and fitrah, constructing and administering surau and mosques, overseeing matters of marriage and divorce, and prioritising religious education for students. This is because these matters are closely related to the fundamental principles of Islamic administration. In addition, the MAINs functioned as religious advisers to the Sultan and played an important role in upholding and strengthening Islamic legal administration in the Malay states.

Keywords: State Islamic Religious Councils, MAINs, Islamic administration

^a Fitrah Nur Tasha Izzati Rosaidi, Master candidate, History Department, Faculty of Arts and Social Sciences, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia. Email: fitrahtasha1998@gmail.com.

^b Abu Hanifah Haris (corresponding author), Associate Professor, History Department, Faculty of Arts and Social Sciences, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia. Email: abuhanifah@um.edu.my.

^c Muhammad Nu'man Mohd Nasir, Senior Lecturer, History Department, Faculty of Arts and Social Sciences, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia. Email: numan@um.edu.my.

Pengenalan

Negeri Johor merupakan negeri pertama yang mempunyai sebuah institusi agama apabila Jabatan Agama dan Pelajaran Johor ditubuhkan pada tahun 1895.¹ Namun begitu, jabatan ini bukanlah institusi jabatan agama mutlak kerana turut mentadbir hal ehwal pelajaran. Perkara ini mendorong kepada penubuhan sebuah institusi agama iaitu Majlis Agama Islam di Negeri-Negeri Melayu (MAIN) pada awal abad ke-20. Penubuhan MAIN dianggap penting oleh Raja-Raja Melayu² kerana berperanan sebagai institusi yang mengawal selia dasar dan perundangan Islam, malah menjadi platform strategik dalam memperkasakan pendidikan, dakwah, dan pembangunan ummah secara menyeluruh. Kewujudan MAIN membolehkan pengurusan kewangan Islam seperti zakat dan baitulmal dilaksanakan dengan lebih cekap, sekali gus menyumbang kepada penguatkuasaan undang-undang Islam yang lebih teratur.

Jika dilihat menerusi konteks sejarah, pembangunan pentadbiran Islam di MAIN berkembang bermula daripada sistem tradisional yang dikendalikan oleh para ulama dan Raja-Raja Melayu, kepada struktur yang lebih tersusun melalui penubuhan institusi keagamaan rasmi. MAIN yang terawal ditubuhkan adalah di Kelantan iaitu pada tahun 1915³ diikuti dengan Perlis iaitu pada tahun 1920.⁴ Komitmen Kelantan sebagai negeri pertama yang mengutamakan sistem pentadbiran Islam telah membuka jalan kepada negeri-negeri lain untuk mencontohinya seperti negeri Selangor.⁵ Negeri Melayu terakhir yang menubuhkan MAIN pula ialah Negeri Sembilan iaitu pada tahun 1950.⁶ Objektif kajian ialah mengkaji sejarah penubuhan MAIN sebelum merdeka. Seterusnya, membincangkan sumbangan dalam aspek kewangan, pentadbiran dan pendidikan Islam. Skop kajian ini bermula dari tahun 1915 iaitu penubuhan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat yang pertama di Kelantan. Tahun akhir kajian yang dipilih ialah pada tahun 1957 iaitu apabila Tanah Melayu mendapat kemerdekaan.

Kelantan

Majlis Agama Islam yang terawal ditubuhkan di Semenanjung Tanah Melayu ialah di negeri Kelantan iaitu pada tahun 1915.⁷ Penubuhan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) ini bertujuan untuk melindungi segala hal ehwal agama Islam dan adat istiadat Melayu, memberi nasihat kepada kerajaan akan hal yang melibatkan agama serta memelihara kebajikan rakyat. Justeru, berlakunya satu revolusi dalam pentadbiran Islam di Tanah Melayu

¹ Arbai' Yah Mohd Noor, Mardiana Nordin dan Mohd Firdaus Abdullah, "Pendidikan Agama Islam di Johor Bharu, 1857-1957," dalam *40 Tahun Jurnal Purbal 1982-2021*, ed. Abdullah Zakaria Ghazali (Exmedia Communication, 2021), 138.

² Nazri Muslim, "Institusi Raja-Raja Melayu: Peranannya dalam Memelihara Kedudukan Islam dari Sudut Perlembagaan," *International Journal of the Malay World and Civilisation* 2, no. 2 (2014): 123.

³ Mohd Fadhli Ghani, *Kelantan: Islam, Ulama dan Politik* (Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad, 2023), 64.

⁴ Marina Abu Bakar et. al., "Transformasi Tadbir Urus Wakaf oleh Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs), *Sains Insani* 5, no. 1 (2020): 115. Lihat juga untuk Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Terengganu di Heather Sutherland, "The Transformation of the Trengganu Legal Order," *Journal of Southeast Asian Studies* 11, no. 1 (1984): 16.

⁵ Selangor mengambil inisiatif untuk menilai rang undang-undang Islam Kelantan dan seterusnya mengadaptasikannya sebagai asas kepada sistem perundangan negeri itu. Sila lihat Sel. Sec. No. 2322/1951, 2 Surat Pateh bin Mat Sah, *President Muslim Religious Affairs Selangor*, kepada Sultan Hisamuddin Alam Shah dalam fail *Report of the Committee Appointed to Draft Legislation Relating to Muslim Law and Religion and the Malay Customs*, 7 November 1951, 2.

⁶ Undang-Undang Negeri Sembilan, *Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003* (Percetakan Nasional Malaysia, 2004), 88.

⁷ Penubuhan Majlis ini terjadi sewaktu tempoh pemerintahan Sultan Muhammad IV. Sila lihat Mohd Fadhli Ghani, *Kelantan: Islam, Ulama dan Politik*, 64.

dengan pengasasan sebuah organisasi dikhaskan untuk menjaga segala hal berkenaan Islam. Kewujudan insituti ini bermula akibat ketidakadilan Perjanjian Bangkok 1909 yang lebih berpihak kepada undang-undang British sehingga menyisihkan undang-undang Islam dan adat. Perkara ini berlanjutan dan semakin teruk sehingga Mahkamah Syariah diabaikan. Hal ini terbukti apabila sistem mahkamah telah dirombak semula oleh John Scott Mason.⁸ Bukan itu sahaja, Sultan kehilangan kuasa untuk menghukum penjenayah-penjenayah seperti pencuri dan pembunuh berlandaskan perundangan Islam.⁹

Jelaslah bahawa Perjanjian Bangkok 1909 menyebabkan pemerintah tempatan kehilangan kuasa seperti tidak dapat mengutip cukai, tidak dibenarkan terlibat dalam pentadbiran negeri serta haruslah mengikuti peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh British.¹⁰ Institusi diraja Kelantan pada waktu itu ibarat “boneka” yang bernyawa tetapi tiada fungsi kerana dikawal oleh pegawai-pegawai British. Maka, tidak hairanlah sekiranya MAIK dibangunkan bagi mengimbangi kuasa undang-undang Inggeris agar undang-undang Islam dan adat istiadat Melayu tidak lagi disisihkan.¹¹ Badan pentadbiran MAIK diketuai oleh Yang Dipertua, iaitu Tengku Muda Hassan bin Tengku Muhammad yang merupakan menantu kepada Sultan Muhammad V.¹² Kemudian, diikuti oleh Naib Dipertua, Mufti Kerajaan dan enam orang ahli yang dipilih mengikut Undang-Undang Tubuh Kelantan. MAIK diberikan status *quasi legislative* dan *judicial authority* lantas membolehkan MAIK bebas merangka dasar-dasar perundangan.

MAIK juga berperanan mengurus pengutipan zakat padi dan zakat fitrah sebagai sebahagian daripada pelaksanaan perundangan Islam di Kelantan. Namun, mendahului semua tujuan MAIK, kegiatan badan ini yang pertama ialah menjalankan kutipan zakat padi seawal tahun 1916 di bawah Undang-undang No. 3¹³ diikuti dengan kutipan baitulmal. Pada asalnya, kutipan baitulmal ini dikendalikan oleh Pejabat Mufti sebelum diambil alih oleh MAIK. Kemudiannya, pada tahun seterusnya, MAIK mula memperluaskan tugas mereka kepada kutipan zakat fitrah iaitu menjelang tahun 1917.¹⁴ Hasil kutipan zakat-zakat ini sebenarnya dipulangkan semula kepada masyarakat dengan cara menghulurkan bantuan kepada mereka yang miskin dan menyediakan perbelanjaan perayaan untuk umat Islam.

Di samping itu, Majlis diberi kuasa untuk menjadi nazir atau penguasa tunggal bagi masjid-masjid dan surau-surau di negeri tersebut. Peranan Majlis untuk bahagian ini termasuklah mencari pegawai-pegawai masjid yang dapat menguruskan masjid, malahan turut bertanggungjawab dalam memastikan solat Jumaat di setiap masjid dan surau berjalan lancar serta memantau kerja-kerja jawatankuasa masjid seperti memungut zakat, urusan kekeluargaan iaitu nikah dan cerai serta menguruskan jenazah.¹⁵ Tambahan lagi, MAIK turut mengadakan percetakan sendiri dan kemudian membawa kepada pemulaan penerbitan majalah. Majalah-majalah inilah yang membangunkan masyarakat untuk bangkit daripada terus dihanyut mimpi. Majalah-majalah yang

⁸ *Annual Report of Kelantan for the Year 1909*, 7.

⁹ Abdul Razak Mahmud, *MAIK: Peranannya dalam Bidang Keagamaan, Persekolahan dan Penerbitan di Kelantan Sehingga 1990* (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010), 9.

¹⁰ Abdul Razak Mahmud, *MAIK: Peranannya dalam Bidang Keagamaan, Persekolahan dan Penerbitan di Kelantan Sehingga 1990*, 9.

¹¹ MAIK adalah penasihat Sultan Kelantan dalam bidang keagamaan dan adat istiadat Melayu. Mohamad Hilmie Mat Daud dan Burhan Che Daud, “Sejarah dan Latar Belakang Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) Sebagai Agensi Pengurus Wakaf di Negeri Kelantan,” *International Online Journal of Language, Communication and Humanities* 1, no. 1, (2018): 58.

¹² Abdullah Alwi Hassan, *The Administration of Islamic Law in Kelantan* (Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996), 80.

¹³ Abdullah Alwi Hassan, *The Administration of Islamic Law in Kelantan*, 81.

¹⁴ Abdul Razak Mahmud, *MAIK: Peranannya dalam Bidang Keagamaan*, 43.

¹⁵ Abdul Razak Mahmud, *MAIK: Peranannya dalam Bidang Keagamaan*, 47.

dihasilkan di bawah MAIK adalah seperti *Putera*, *Kenchana*, *Pengasuh* dan *al-Hikmah*.¹⁶ Tambahan lagi, majalah *Pengasuh* mempunyai peminat-peminat bukan sahaja di Kelantan malahan di seluruh Tanah Melayu kerana majalah ini sering berbahas mengenai topik-topik politik, dan sosial yang membuka mata dan minda masyarakat daripada terus ditindas oleh penjajah.¹⁷

Seterusnya, MAIK juga berusaha keras dalam menyediakan pendidikan terutamanya untuk anak-anak tempatan di Kelantan. Percubaan pertama MAIK dalam bidang pendidikan telah menerima reaksi yang positif kerana seramai 30 orang pelajar mendaftarkan diri untuk menimba ilmu di al-Madrasah al-Muhammadiyah (Melayu) pada tahun 1917.¹⁸ Kurikulum yang diajar merangkumi mata pelajaran bahasa Melayu, penulisan, aritmetik dan pengajian agama.¹⁹ Disebabkan MAIK mendapat sambutan yang baik dalam aspek pendidikan, MAIK tidak melepaskan peluang untuk terus mengembangkan bidang tersebut dengan menubuhkan lebih banyak sekolah pada tahun-tahun seterusnya. Buktinya, pada tahun 1918, MAIK membangunkan dua buah sekolah di Pasir Putih dan Pasir Mas.²⁰ Pelbagai kemudahan yang disediakan untuk para pelajar agar mereka dapat mendalami ilmu dengan selesa seperti membekalkan kitab-kitab agama, menetapkan kurikulum, dan perbelanjaan. Ekoran daripada penambahan jumlah sekolah dari tahun ke tahun menyebabkan MAIK bertindak memperkenalkan sebuah jawatan baru iaitu nazir yang merupakan Ketua Penolong Pelajaran. Sehubungan itu, wujudnya sebuah sekolah dikhaskan kepada pelajar perempuan iaitu Maahad Muhammadi (Melayu).²¹

Konklusinya, MAIK lahir daripada keprihatinan kerajaan Kelantan yang mahu memastikan urusan agama dan adat ditadbir dengan teratur serta berpaksikan syariah. Penglibatan pemerintah, para ulama dan pembesar ini menjadi faktor utama kekuatan MAIK, kerana bukan sahaja menjadikan majlis ini berautoriti, malah memastikan setiap dasar dan keputusan selari dengan aspirasi negeri. MAIK kemudian terus berkembang sebagai pelindung syiar Islam, pemelihara adat Melayu, dan pemangkin kesejahteraan ummah di Kelantan.

Johor

Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAIJ) ditubuhkan pada tahun 1925 setelah diluluskan oleh Lembaga Aturan bagi Pemerintahan Raja di bawah seksyen 14.²² Johor merupakan negeri terawal yang menubuhkan Undang-undang Tubuh iaitu Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895 diikuti dengan negeri-negeri lain di Tanah Melayu. Undang-undang ini menegaskan bahawa Sultan Johor haruslah beragama Islam dan berasal daripada susur galur kerabat diraja Johor. Lalu, lahirlah Majlis Mesyuarat Negeri menerusi perundangan Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895 Fasal 28 bagi menetapkan sistem-sistem pentadbiran seperti Jabatan Pelajaran, Jabatan Kesihatan dan Jabatan Agama.²³

¹⁶ Mohd Fadhli Ghani, *Kelantan: Islam, Ulama dan Politik*, 35.

¹⁷ Abdullah Alwi Hassan, *The Administration of Islamic Law in Kelantan*, 88.

¹⁸ Siti Fathiah Abd Latif dan Mahani Musa, "Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) dan Pemodenan Pendidikan di Kelantan, 1917-1957," *JEBAT* 48, no. 1, (2012): 6.

¹⁹ Siti Fathiah Abd Latif dan Mahani Musa, "Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) and Modernisation of Malay Education, 1917-1957," *Journal of Al-Tamaddun* 17, no. 2 (2023): 245.

²⁰ Siti Fathiah Abd Latif dan Mahani Musa, "Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) dan Pemodenan Pendidikan di Kelantan, 1917-1957," 6.

²¹ Mohd Fadhli Ghani, *Kelantan: Islam, Ulama dan Politik*, 72.

²² Ahmad Che Yaacob et al., "Zakat Disbursement Via Capital Assistance: A Case Study of Majlis Agama Islam Johor," *International Journal of Islamic and Civilizational Studies* 4, no. 3, (2011), 44.

²³ Siti Nora Yusof, "Peranan Jabatan Agama Islam Johor dalam Membasmi Ajaran Sesat di Johor" (Latihan Ilmiah, Universiti Malaya, 1990), 16-17.

Sultan Johor juga menekankan kepentingan penubuhan MAIN kerana ingin memantapkan kepimpinan agama Islam di Johor. Baginda khuatir kerana tiada badan khas yang mengelola hal-hal berkaitan agama Islam. Perkembangan agama Islam dalam pentadbiran di Johor bermula apabila Jabatan Agama dan Pelajaran ditubuhkan pada tahun 1895.²⁴ Meskipun begitu, pada tahun 1906, institusi ini telah distrukturkan dengan tujuan memisahkan fungsi pentadbiran antara Jabatan Agama dan Jabatan Pelajaran. Susulan itu, jabatan berkenaan telah dinamakan semula sebagai Jabatan Agama Islam Negeri Johor pada tahun yang sama. Peranan utama Jabatan Agama Islam adalah menjalankan pentadbiran dan pengurusan berkaitan agama Islam yang melibatkan negeri serta seluruh masyarakat Islam.

Asalnya MAIJ hanya terlibat dalam tiga ruang lingkup tugas iaitu menasihati raja tentang agama dan ada istiadat diraja, memimpin hal ehwal agama, mengajar kaum kerabat diraja serta memastikan kebajikan Islam terjaga.²⁵ Anggota-anggota MAIJ dilantik secara rasmi menerusi warta kerajaan lantas menjadikan MAIJ sebagai badan penggubal dasar agama Islam manakala Jabatan Agama dan Pelajaran Johor menjadi penggerak untuk tugas ini.²⁶ Usaha-usaha untuk memperkasa agama Islam semakin mendapat tumpuan yang serius setelah penubuhan MAIJ. Buktinya, Pengerusi MAIJ mengarahkan tarikh mula berpuasa hendaklah dipantau oleh sekurang-kurangnya dua orang agamawan. Tidak hanya itu, MAIJ turut diarahkan untuk terlibat dalam pentadbiran. Justeru, MAIJ berperanan sebagai penyelarasan dasar agama Islam, mengawal agensi Jabatan Agama, menjalankan upacara majlis kerabat diraja, dan menyelesaikan masalah yang di berada di bawahnya seperti Pejabat Mufti dan Pejabat Yang Dipertua.²⁷

Selain itu, Johor amat mengambil berat tentang pendidikan rakyatnya kerana Sultan Johor yakin kemajuan negeri dapat dilaksanakan menerusi pendidikan. Oleh itu, bagi merealisasikan keinginan Sultan Johor, MAIJ membuat keputusan untuk menubuhkan Sekolah Arab.²⁸ MAIJ meneruskan sumbangannya dengan menghantar beberapa orang pelajar ke negara-negara Arab seperti Kaherah di Mesir dan Beirut di Syria. Pelajar-pelajar yang menyambung pengajian di negara-negara tersebut ditaja dan dibantu menggunakan wang dana iaitu sejumlah \$500 setahun bermula tahun 1935.²⁹ Bagi memastikan kebajikan sosial para pelajar terjaga, MAIJ setuju untuk menempatkan Pegawai Hal Ehwal Penuntut Johor di Mesir.

Tugas lain MAIJ dalam aspek pendidikan seperti mengadakan perundangan dan menggubal undang-undang, memberi kata putus tentang fatwa, menyalurkan biasiswa dan tajaan, menyemak kandungan serta menapis kitab-kitab, memberi kelulusan untuk membina surau dan masjid, dan meluluskan kelas agama.³⁰ Peralihan daripada pengurusan zakat secara tradisional kepada pentadbiran MAIJ iaitu pada tahun 1925³¹ mencerminkan usaha negeri Johor untuk memstrukturkan zakat sebagai satu medium bagi memantapkan kebajikan sosial. Zakat yang pada awalnya ditadbir di bawah arahan Sultan kini diambil alih oleh MAIJ. Lantas, MAIJ melantik amil-amil untuk

²⁴ Muhammad Izuan Abdul Rahman, "Peranan Pemerintah dan Golongan Intelektual dalam Mempertahankan Kedaulatan Johor, 1862-1957," *Sejarah* 8, no. 12, (2015): 58.

²⁵ Muhammad Izuan Abdul Rahman, "Peranan Pemerintah dan Golongan Intelektual dalam Mempertahankan Kedaulatan Johor, 1862-1957," 58.

²⁶ Abd Latif Juffri dan Jainal Sakiban Al- Jauhari, *Sejarah Perkembangan Pentadbiran Agama Islam Negeri Johor* (Majlis Agama Islam Johor, 2007), 50.

²⁷ M. A. Fawzi Basri, *Warisan Sejarah Johor* (Dewan Bahasa dan Pustaka, 1984), 24.

²⁸ Abd Latif Juffri dan Jainal Sakiban Al- Jauhari, *Sejarah Perkembangan Pentadbiran Agama Islam Negeri Johor*, 118.

²⁹ M. A. Fawzi Basri, *Warisan Sejarah Johor*, 23.

³⁰ M. A. Fawzi Basri, *Warisan Sejarah Johor*, 24.

³¹ Hairunnizam Wahid et al., "Prestasi Kecekapan Pengurusan Kewangan dan Agihan Zakat: Perbandingan antara Majlis Agama Islam Negeri di Malaysia," *Jurnal Ekonomi Malaysia* 51, no. 2, (2017): 34-35.

mengutip zakat seperti zakat fitrah dan zakat pertanian bagi memperkasa kebajikan asnaf. Selain itu, MAIJ juga terlibat dalam perundangan apabila MAIJ menggubal beberapa perundangan baharu berdasarkan hukum-hukum Islam. Hal ini terjadi kerana pengaruh sekular yang semakin tersebar dalam kalangan rakyat dan pemerintah. MAIJ turut merujuk *Majalah Ahkam*³² semasa menggubal Perundangan Mal. Kitab ini merupakan rujukan undang-undang termasuklah perkara sivil dan kegiatan seharian masyarakat bermula daripada urusan jual, hutang, amanah, gadaian dan rampasan serta pernyitaan.³³

Mufti dan Kadi turut sama memainkan peranan dalam penubuhan MAIJ untuk menguruskan hal ehwal agama Islam. Hal ini demikian kerana, kedua-dua jabatan ini diletakkan di bawah pentadbiran MAIJ. Buktinya, Pejabat Mufti memantau solat Jumaat dalam kalangan kakitangan kerajaan dengan menyediakan buku kehadiran solat Jumaat. Bermula tahun 1928 pula, Pejabat Mufti melarang sebarang aktiviti jual beli ketika waktu solat Jumaat.³⁴ Kadi pula bertindak melaksanakan penguatkuasaan perundangan Islam seperti memimpin Mahkamah Syariah dan menjadi hakim untuk Mahkamah Kadi Syariah. Mahkamah ini menguruskan kes-kes pernikahan, harta pusaka, perceraian, dan pentadbiran masjid. Jelaslah bahawa pentadbiran MAIJ telah ditadbir dengan cemerlang dan tersusun sejak ditubuhkan pada tahun 1925. Penambahan juga turut dilakukan dari semasa ke semasa bagi menyempurnakan tugas MAIJ. Kesimpulannya, MAIJ berusaha memastikan pengurusan hal ehwal Islam berjalan teratur melalui zakat, wakaf, kebajikan dan pendidikan, sekali gus menjaga kesejahteraan umat Islam di Johor.³⁵

Selangor

Majlis Mesyuarat Ugama dan Adat Istiadat Melayu Selangor pertama kali ditubuhkan pada tahun 1933. Majlis ini menjadikan Sultan sebagai pengerusi dan dibantu oleh Ketua Kadi sebagai Naib Pengerusi, *Vice-President State Council*, dua orang berbangsa Melayu yang merupakan ahli Mesyuarat *State Council*, dua orang pembesar lantikan Sultan dan tiga orang ulama.³⁶ Sumbangan Majlis terhadap negeri Selangor jelas terlihat apabila ahli-ahli Majlis mula melantik imam masjid mengikut kepakaran dalam bidang agama.³⁷ Imam yang berpengetahuan luas dalam bidang keagamaan dan hal ehwal kariah amat diperlukan kerana peranannya merangkumi pengajaran kelas-kelas agama kepada umat Islam selepas solat Jumaat. Seterusnya, Majlis juga bertindak dalam menampung perbelanjaan pembinaan masjid-masjid seperti di Sungai Selisek, Ulu Selangor dan Kampung Baharu sebanyak \$750.³⁸ Tugas lain Majlis dalam menguruskan institusi masjid dan

³² *Majalah Ahkam* ialah milik Kerajaan Uthmaniyyah dan diterjemahkan oleh Mufti Johor. Sila lihat Mohd Hafiz Othman, Ermy Azziaty Rozali, dan Napisah Karimah Ismail, "Majalah Ahkam Johor: Sumbangannya dalam Perkembangan Islam di Johor pada Akhir Abad ke 19," *Journal of Al-Tamaddun* 16, no. 2, (2021):1

³³ Muhammad Izuan Abdul Rahman, "Peranan Pemerintah dan Golongan Intelektual dalam Mempertahankan Kedaulatan Johor, 1862-1957," 59.

³⁴ Muhammad Izuan Abdul Rahman, "Peranan Pemerintah dan Golongan Intelektual dalam Mempertahankan Kedaulatan Johor, 1862-1957," 63.

³⁵ Mohd Hafiz Othman, Ermy Azziaty Rozali, dan Napisah Karimah Ismail, "Majalah Ahkam Johor: Sumbangannya dalam Perkembangan Islam di Johor pada Akhir Abad ke 19," 6.

³⁶ *Constitution of Religious and Customary Committee of State for Selangor*, 21 Disember 1933, Sel.Sec. G. 1487/1933, 2.

³⁷ Keputusan Meshuarat yang Kedua Blas yang diadakan pada 26th June 1937, bersamaan dengan 16th Rabi-'ul-akhir Tahun 1356, Jam Pukul 10 pagi di-Astana Mahkota, Klang dalam fail *Meetings of the Religious and Customary Committee of the State*, 9 September 1937, Sel. Sec. 827/1935, 15.

³⁸ Keputusan Meshuarat yang Kedua Blas yang diadakan pada 26th June 1937, bersamaan dengan 16th Rabi-'ul-akhir Tahun 1356, Jam Pukul 10 pagi di-Astana Mahkota, Klang dalam fail *Meetings of the Religious and Customary Committee of the State*, 9 September 1937, Sel. Sec. 827/1935, 15.

surau ialah memastikan kebersihan sentiasa dijaga dengan baik dan mengehadkan bilangan ahli satu-satu masjid kepada hanya sembilan orang.³⁹

Di samping itu, Majlis sekeras-kerasnya menentang penyebaran ajaran sesat kepada masyarakat di Selangor setelah ajaran sesat ini didapati semakin berleluasa dalam kalangan masyarakat. Lantas, sesiapa yang tertangkap akan dihukum mengikut Seksyen 9, *Mohamadan Laws* 1904. Majlis juga menegaskan bahawa para pengajar mesti memperoleh surat kebenaran daripada Sultan sebagai "lesen" rasmi sebelum dibenarkan mengajar kitab agama.⁴⁰ Tugas adat-istiadat juga diletakkan di bawah urusan Majlis. Apabila membicarakan soal adat-istiadat, aspek perkahwinan turut menjadi sebahagian daripadanya. Majlis melihat satu keperluan untuk mengambil berat soal kekeluargaan seperti nikah dan cerai kerana ingin melindungi kebajikan para wanita. Majlis akan menyelidik sedalam mungkin sebelum talak dijatuhkan kepada mana-mana pasangan seperti yang berlaku ke atas Mohd. Ja'afar bin Jonit dan isterinya, Hajah Alwiyah binti Haji Mohd kerana lafaz cerai tidak mengikut hukum syarak.⁴¹ Bukan itu sahaja, Majlis juga berperanan dalam menyelesaikan isu harta yang diperoleh bersama sepanjang perkahwinan untuk dibahagikan apabila berlaku perceraian. Majlis membuat keputusan bahawa lelaki akan mendapat dua bahagian dan isteri pula hanya mendapat satu bahagian daripada harta tersebut.⁴²

Majlis turut mengendalikan wang baitumal, serta mengutip zakat dan fitrah. Pada tahun 1950, sebuah mesyuarat telah dijalankan yang melibatkan beberapa orang pembesar Melayu termasuklah Pateh Akhir bin Mat Sah dan Mahidin bin Mohamed Rashad serta pegawai British sebagai Tuan Penasihat Undang-undang Selangor iaitu C. Wylie.⁴³ Mesyuarat tersebut dilaksanakan bagi membincangkan dan menyiasat tiga perkara iaitu tentang pungutan zakat dan fitrah, harta baitulmal, dan mahkamah syariah mengikut undang-undang Islam. Bahagian zakat fitrah akan diberikan kepada golongan yang layak seperti golongan asnaf dan fakir miskin⁴⁴ serta keputusan ini telah dibuat oleh jawatankuasa khas yang dianggotai oleh tiga orang tokoh agama iaitu Haji Mohamed Kathi, Tengku Mahmud Zuhdi dan Haji Mohamed Sharif.⁴⁵ Seterusnya, para pembesar ini berunding akan keperluan sebuah rang undang-undang untuk perlaksanaan pentadbiran Islam di Selangor dengan merujuk Kelantan sebagai model dalam konteks ini. Majlis juga menjadi satu

³⁹ Keputusan Meshuarat yang Ka-Empat Belas yang diadakan pada 13th January 1938, bersamaan dengan 12 Hari-Bulan Zulka'edah Tahun 1356, Jam Pukul 10 pagi di-Astana Mahkota, Klang dalam fail *Minutes of Meetings Religious and Customary Committee*, 21 Januari 1938, Sel. Sec. 273/1938, 6.

⁴⁰ Sesiapa yang didapati bersalah mengajar kitab-kitab agama tanpa kebenaran Sultan akan didenda tidak lebih \$100. Sama juga sekiranya seseorang itu mempunyai surat kebenaran tetapi apa yang diajarnya salah turut disabitkan kesalahan dengan jumlah yang sama. Sila lihat Keputusan Meshuarat yang Kedua Blas yang diadakan pada 26th Jun 1937, bersamaan dengan 16th Rabi-ul-akhir Tahun 1356, Jam Pukul 10 pagi di-Astana Mahkota, Klang dalam fail *Meetings of the Religious and Customary Committee of the State*, 9 September 1937, Sel. Sec 827/1935, 15.

⁴¹ Keputusan Meshuarat yang Ka-delapan Belas Kali yang diadakan pada 27 Februari 1939, bersamaan dengan 7th Muharram tahun 1358, Jam Pukul 10.30 pagi di-Astana Mahkota, Klang dalam fail *Religious and Customary Committee, 1939, Minutes of Meetings*, 15 Mac 1939, Sel. Sec 500/1939, 2.

⁴² Keputusan Meshuarat yang ke-10 yang diadakan pada 12 November 1936, Bersamaan dengan 27 Sha'ban, 1355 Jam Pukul 10 Pagi Di-Astana Mahkota, Klang, dalam fail *Meetings of the Religious and Customary Committee of the State*, 9 September 1937, Sel. Sec 827/1935, 11.

⁴³ Surat Pateh bin Mat Sah, *President Muslim Religious Affairs Selangor*, kepada Sultan Hisamuddin Alam Shah dalam fail *Report of the Committee Appointed to Draft Legislation Relating to Muslim Law and Religion and the Malay Customs*, 7 November 1951, Sel. Sec. No. 2322/1951, 1.

⁴⁴ Keputusan Meshuarat yang ke-10 yang diadakan pada 12 November 1936, Bersamaan dengan 27 Sha'ban, 1355 Jam Pukul 10 Pagi Di-Astana Mahkota, Klang, dalam fail *Meetings of the Religious and Customary Committee of the State*, 9 September 1937, Sel. Sec 827/1935, 11-12.

⁴⁵ Sebuah jawatankuasa kecil (*sub-committee*) telah diwujudkan untuk menguruskan pembahagian zakat fitrah. Sila lihat Keputusan Meshuarat yang kesembilan yang diadakan pada 30 Jun 1936, Bersamaan Dengan 10 Rabbi' al-Akhir, 1355 Jam Pukul 10.30 Pagi Di-Astana Mahkota, Klang, dalam fail *Meetings of the Religious and Customary Committee of the State*, 9 September 1937, Sel. Sec 827/1935, 11-12.

pertubuhan penasihat dan berkuasa menjalankan hal ehwal agama di dalam negeri ini. Selain itu, di bawah rang undang-undang tersebut satu jawatankuasa agama bagi Majlis dibangunkan untuk mengeluarkan fatwa-fatwa agama Islam, *nas* dan memberi pendapat berkenaan adat istiadat.⁴⁶ Bukan itu sahaja, perundangan ini telah memasukkan penubuhan mahkamah syariah serta kuasa-kuasa yang berada di bawahnya.

Selain itu, Kadi diberi kuasa untuk menangkap dan menghukum para lelaki Muslim yang tidak menunaikan solat Jumaat dan tidak berpuasa di bulan Ramadhan. Pesalah-pesalah akan dibicarakan di Mahkamah Penghulu bermula tahun 1936.⁴⁷ Ahli-ahli Majlis serta Sultan Selangor bersepakat untuk menjadikan sebahagian tanah di kawasan masjid di Klang sebagai kawasan perkuburan khas untuk kerabat diraja. Kawasan tanah yang diambil ialah seluas satu ekar. Majlis juga sangat mengambil berat tentang kebersihan dan kebajikan masjid-masjid di negeri Selangor seperti menajwat pekerja-pekerja untuk membersihkan masjid-masjid serta menyalurkan air pancuran berbayar sebanyak 1000 galon di masjid tersebut.⁴⁸

Seterusnya, tugas lain Majlis ialah memeriksa ilmu pengetahuan guru agama, imam, bilal, khatib dan kadi sebelum melantik mereka. Hal ini terbukti apabila seramai 17 orang telah mengemukakan permohonan bagi jawatan Kadi di Kuala Kubu pada tahun 1938.⁴⁹ Akhirnya, Majlis memilih dan melantik Haji Mohd. Zubir bin Haji Abdul Mukti sebagai Kadi di wilayah tersebut. Gaji-gaji kesemua jawatan ini dibayar oleh kerajaan. Majlis juga bertindak dalam menterjemah al-Quran ke dalam bahasa Melayu dan al-Quran yang digunakan mestilah yang diluluskan oleh Madrasah al-Hadi, Pulau Pinang kerana dipercayai al-Quran yang tidak mendapat kelulusan dari institusi ini banyak mengalami kesalahan ketika dicetak. Kebajikan pegawai-pegawai juga dijaga dengan rapi seperti Majlis membelikan pakaian seragam agar mencerminkan imej yang lebih profesional. Imam, Khatib dan Bilal perlulah memakai pakaian yang disediakan terutamanya pada hari Jumaat.⁵⁰

Mereka yang menggunakan khidmat kakitangan MAIS juga mestilah membayar dan memastikan kebajikan mereka terpelihara seperti sesiapa yang ingin mendapatkan perkhidmatan kadi untuk pernikahan haruslah datang menjemput dan menghantar kadi seusai majlis pernikahan selesai. Tidak dapat dinafikan lagi bahawa Majlis sememangnya berusaha menekankan aspek keagamaan dalam pentadbiran di Selangor. Namun, Majlis juga sedar jika kesejahteraan pegawai terjamin, prestasi kerja mereka akan turut meningkat menyebabkan Majlis mementingkan kebajikan pekerja-pekerja mereka. Jelaslah bahawa Majlis berusaha memastikan agama Islam terus terpelihara di negeri Selangor serta kebajikan masyarakat Islam sentiasa terjamin. Majlis ini juga memodenkan pentadbirannya tanpa mengabaikan kepatuhan kepada syariah.

⁴⁶ Surat Patch bin Mat Sah, *President Muslim Religious Affairs Selangor*, kepada Sultan Hisamuddin Alam Shah dalam fail *Report of the Committee Appointed to Draft Legislation Relating to Muslim Law and Religion and the Malay Customs*, 7 November 1951, Sel. Sec. No. 2322/1951, 1.

⁴⁷ Keputusan Meshuarat yang ke-delapan yang diadakan pada 14 Mac, 1936, Bersamaan dengan 10 Dzulhijah, 1354 Jam Pukul 10 Pagi Di-Astana Mahkota, Klang, dalam fail *Meetings of the Religious and Customary Committee of the State*, 9 September 1937, Sel. Sec 827/1935, 5.

⁴⁸ Keputusan Meshuarat yang ke-delapan yang diadakan pada 14 Mac, 1936, Bersamaan dengan 10 Dzulhijah, 1354 Jam Pukul 10 Pagi Di-Astana Mahkota, Klang, dalam fail *Meetings of the Religious and Customary Committee of the State*, 9 September 1937, Sel. Sec 827/1935, 6.

⁴⁹ Keputusan Meshuarat yang Ka-Empat Belas yang diadakan pada 13 Januari 1938, bersamaan dengan 12 Hari-Bulan Zulka'edah Tahun 1356, Jam Pukul 10 pagi di-Astana Mahkota, Klang dalam fail *Minutes of Meetings Religious and Customary Committee*, 21 Januari 1938, Sel. Sec 273/1938, 4.

⁵⁰ Keputusan Meshuarat yang Ka-Empat Belas yang diadakan pada 13 Januari 1938, bersamaan dengan 12 Hari-Bulan Zulka'edah Tahun 1356, Jam Pukul 10 pagi di-Astana Mahkota, Klang dalam fail *Minutes of Meetings Religious and Customary Committee*, 21 Januari 1938, Sel. Sec 273/1938, 4.

Pahang

Majlis Agama Islam di Pahang atau lebih dikenali sebagai Majlis Anggota Islam Pahang secara rasmi ditubuhkan pada tahun 1933.⁵¹ Sebenarnya pentadbiran Islam di Pahang bermula sejak awal tahun 1920 lagi kerana undang-undang Islam telah sebat dengan pemerintahan Sultan di negeri ini. Kemudiannya, terjadi penukaran nama daripada Majlis Anggota Islam Pahang kepada Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) setelah beberapa tahun Majlis beroperasi.

MUIP yang diketuai oleh Sultan Ahmad turut mempunyai beberapa ahli yang terdiri daripada kerabat-kerabat diraja dan golongan bangsawan. Antaranya termasuklah Haji Mohd Daud selaku Kadi besar serta Kadi-Kadi mengikut daerah seperti Lebai Jusuh, Lebai Deraman, Lebai Ahamad dan Abu Bakar bin Dato' Halim dan Cikgu Muhammad Idris.⁵² Objektif penubuhan MUIP pada awalnya disebabkan kerajaan Pahang mahukan sebuah badan khas untuk mengendalikan zakat fitrah kemudian berkembang kepada tugas-tugas lain. Pengerusi MUIP khuatir setelah menyedari pendidikan yang diberikan untuk rakyat Pahang sangatlah jauh ketinggalan, dan tidak mampu untuk bersaing dengan pendidikan Inggeris. Ekoran itu, MUIP turut mengambil berat terhadap pendidikan rakyat. Banyak sekolah agama yang ditubuhkan khas untuk orang Melayu Pahang dan pelajar-pelajar yang menyambung pengajian di Mesir dan Makkah diberi bantuan kewangan.⁵³

Di samping itu, menjelang tahun 1933, MUIP diberi mandat untuk menjalankan undang-undang yang baru dikuatkuasakan pada tahun yang sama iaitu undang-undang no. 3 tahun 1933.⁵⁴ Perundangan ini membatalkan undang-undang agama Islam tahun 1904 kerana dirasakan tidak lagi relevan dan seterusnya memperkenalkan 16 seksyen yang lebih lengkap.⁵⁵ Selain itu, MUIP bertindak membubarkan Majlis Ulama Pahang yang dianggap kurang berfungsi dan menggantikan Majlis dengan Jumaa'ah Ulama' Pahang pada tahun 1943. Jumaa'ah Ulama' Pahang bergerak sebagai sebuah majlis yang menentukan hukum-hakam dan peraturan Islam.

Seterusnya, MUIP menubuhkan Pejabat Agama dan Adat Majlis Pahang pada tahun 1951⁵⁶ bagi mengasingkan kuasa antara MUIP dan Pejabat Agama dan Adat Majlis Pahang. Maka, bermula tahun tersebut, kesemua perkara berkenaan perundangan, dan Mahkamah Syariah diuruskan oleh Pejabat Agama dan Adat Majlis Pahang. Pengasingan kuasa ini jelas terlihat apabila urusan zakat fitrah dan sekolah Quran diamanahkan kepada Abdul Rahman iaitu Pengerusi Pejabat Agama dan Adat Majlis Pahang. Beberapa buah Pejabat Qadhi Daerah turut ditubuhkan oleh MUIP di beberapa bandar seperti Rompin, Bentong, Chenor dan Kuantan kerana Undang-Undang Tadbir Ugama Islam 1956 menuntut Pahang untuk menubuhkan sebuah badan yang terdiri daripada

⁵¹ Mesyuarat Negeri yang ke-40 telah Mengangkat YTM Tengku Besar Pahang Menjadi Ahli Mesyuarat Jawatankuasa Berkenaan dengan Mengutip Zakat dan Fitrah dalam Negeri Pahang ini, 13 Januari 1933, Pah. Sec 90/33, 12

⁵² Yunan Abdul Samad, "Jabatan Agama Islam Pahang: Keberkesanannya dalam Melaksanakan Agenda Islam," (Latihan Ilmiah, Universiti Malaya, 1995), 22.

⁵³ Nor Mukshar Harun, "Jabatan Agama Islam Pahang: Peranan dan Sumbangannya ke Arah Perkembangan Islam," (Latihan Ilmiah, Universiti Malaya, 1995), 31.

⁵⁴ Mohd. Rushdan Mashar, "Pentadbiran Agama Islam Negeri Pahang," (Latihan Ilmiah, Universiti Malaya, 1990), 31.

⁵⁵ Mohd. Rushdan Mashar, "Pentadbiran Agama Islam Negeri Pahang," (Latihan Ilmiah, Universiti Malaya, 1990), 19

⁵⁶ Pejabat ini haruslah diketuai oleh seorang Pegawai Pentadbir Melayu (*Malay Administrative Service*). Gaji kakitangan jabatan ini diluluskan oleh Menteri Besar. Tempat bersidang juga berubah dari rumah-rumah Kadi kepada tempat-tempat yang dikhaskan di bandar-bandar daerah. Sila lihat Yunan Abdul Samad, *Jabatan Agama Islam Pahang: Keberkesanannya Dalam Melaksanakan Agenda Islam*, 38.

Mufti, Setiausaha Majlis, Kadi Besar dan Kadi, pendakwa dan pegawai masjid.⁵⁷ MUIP bukan sahaja berkuasa dalam pentadbiran, kekeluargaan dan Mahkamah Syariah, tetapi MUIP juga berperanan dalam menyelidik senarai bilangan ahli-ahli masjid.⁵⁸ Pendapatan pegawai-pegawai MUIP dibayar oleh MUIP sendiri seperti pembayaran kepada siak iaitu sebanyak \$80.00 pada tahun 1956.⁵⁹

Akhir sekali, MUIP juga diharuskan untuk mengelola aktiviti kewangan yang berada di bawah pentadbirannya berdasarkan Fasal Undang-undang 4/1955. Buktinya, kutipan wang zakat fitrah yang berada di bawah Fasal 72-80. Segala wang Baitumal yang terkumpul akan diambilalih dan dijaga oleh Bendahari (Amin) Baitulmal. Sumbangan lain MUIP ialah membangunkan sebanyak sepuluh sekolah agama dengan bahasa pengantarnya ialah bahasa Melayu dan Arab pada tahun 1955. Sukatan pelajaran adalah menerusi kitab-kitab turath.⁶⁰ Dalam hal ini, jelaslah bahawa penubuhan MUIP yang pada awalnya bertujuan menambah baik sistem pungutan zakat fitrah kini berkembang menjadi institusi penting yang mengurus pelbagai aspek berkaitan agama Islam. Peranan MUIP meliputi kebajikan masyarakat, pembangunan pendidikan agama, pengurusan wakaf serta pemeliharaan adat resam Melayu di Pahang. Usaha ini dilakukan oleh MUIP bagi memastikan kesejahteraan umat Islam terus terjamin sambil mengekalkan keharmonian dan identiti Islam di negeri tersebut

Kedah

Usaha mengukuhkan pentadbiran agama Islam di negeri Kedah bermula pada tahun 1943 apabila Sultan Abdul Hamid Halim telah menggabungkan jawatan Mufti, Kadi dan Imam di bawah satu organisasi sama yang dinamakan sebagai Pejabat Agama Negeri Kedah.⁶¹ Pada mulanya, organisasi ini berperanan ke atas masalah-masalah kekeluargaan seperti nikah dan cerai dan pengerusinya ialah Syeikhul Islam.⁶² Pejabat ini kemudiannya ditukarkan nama kepada Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu (MAIK) pada tahun yang sama iaitu tahun 1943.⁶³

Kemudiannya, berlaku pertambahan bidang kuasa MAIK yang mana MAIK mula berkuasa ke atas harta-harta wakaf dan baitumal di negeri Kedah. Sebelum wujudnya MAIK, harta-harta wakaf hanya diserahkan kepada pemegang amanah yang dipercayai dalam kalangan masyarakat seperti Tok Imam, Tok Guru dan pengajar-pengajar agama.⁶⁴ Selain itu, tiada perlindungan secara perundangan yang menjamin harta wakaf tersebut ketika itu. Susulan itu, MAIK telah merangka Enakmen Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Kedah yang mana harta wakaf telah

⁵⁷ Mesyuarat Negeri yang ke-64 Menetapkan Kedudukan Jabatan Ugama Pahang dan Perhubungan Dengan Majlis Ugama, 27 Mac 1956, Pah. Sec 345/1962, 2.

⁵⁸ Bahagian Pendidikan Jabatan Agama Islam Pahang, "Sejarah JAIP," *Sekolah Menengah Agama Pahang*, diakses pada 6 Jun 2024, <https://sman.pahang.edu.my/jaip/about>.

⁵⁹ Mesyuarat Negeri yang ke-64 Menetapkan Kedudukan Jabatan Ugama Pahang Dan Perhubungan Dengan Majlis Ugama, 27 Mac 1956, Pah. Sec 345/1962, 4.

⁶⁰ Badli Shah Alaudin dan Fahmi Zaidi, "Program "Tafaquh Fiddin" Anjuran Kerajaan Negeri Pahang di Masjid-Masjid di Negeri Pahang: Suatu Sorotan" *Al-Mimbar: International Journal of Mosque, Zakat and Waqaf Management* 2, Bil.2, (2022): 74.

⁶¹ Siti Khadijah Abd Ghani, "Peranan Majlis Agama Islam Kedah (MAIK) dalam Menangani Ajaran Sesat di Kedah" (Latihan Ilmiah, Universiti Malaya, 2000), 42.

⁶² Syeikhul Islam dilantik sendiri oleh Sultan Kedah dan Syeikhul Islam pertama ialah Wan Sulaiman bin Wan Saddiq. Sila lihat Fauziyah Nordin, "Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kedah: Struktur Organisasi dan Peranan" (Latihan Ilmiah, Universiti Malaya, 1990), 11.

⁶³ Alias Azhar, "Wakaf Kaki Majlis Agama Islam Kedah (Maik): Kajian Kes di Daerah Kota Setar," *Journal of Human Development and Communication*, no. 6, (2017):101.

⁶⁴ Mohd Zaidi Daud, Mohd Norhusairi Mat Hussin dan Syed Alawi Mahdi Syed Mohamad, "Pembangunan Tamadun melalui Wakaf Keluarga: Analisis dari Perspektif Sejarah Islam," *Journal of Al-Tamaddun* 18, no. 2, (2023): 84.

didaftarkan dan impak enakmen ini masih kekal sehingga ke hari ini. Ketua bahagian ini iaitu Pentadbir Wakaf perlulah menguruskan harta-harta wakaf seperti memastikan mereka yang benar-benar layak sahaja menerima harta ini dan mengawal sumber wakaf.⁶⁵ Justeru, harta wakaf dilindungi secara sah di bawah undang-undang dan sesiapa yang bersalah boleh disabitkan hukuman.

Bukan itu sahaja, MAIK turut terlibat dalam pengurusan dakwah di Kedah. Pelbagai program dijalankan bagi memastikan aktiviti penyebaran agama Islam tidak terhenti seperti program ceramah kesedaran. Bahagian ini jelas menunjukkan peranan MAIK kerana skop kerja kakitangan MAIK di Bahagian Dakwah seperti menyediakan jadual ceramah, menyediakan laporan tentang sambutan terhadap program ini dan berhubung dengan penceramah-penceramah luar.⁶⁶ Selain itu, MAIK turut mengambil inisiatif untuk meningkatkan mutu pendidikan agama bagi memupuk kesedaran masyarakat tentang kepentingan mendalami ilmu agama. Ekoran itu, Bahagian Pendidikan Agama membentuk dua aliran pendidikan iaitu, Sekolah Agama dan Darjah Khas Quran Tajwid.⁶⁷

Sumbangan MAIK tidak hanya terhenti di situ sahaja, malahan MAIK merekrut lebih ramai guru disebabkan peningkatan jumlah pelajar dari tahun ke tahun. MAIK turut terlibat dalam membangunkan beberapa buah sekolah agama seperti Madrasah al-Hamidiyah di Limbong Kapal pada tahun 1945 yang kemudian ditukarkan nama kepada Madrasah Al-Maahad Mahmud.⁶⁸ Kesimpulannya, MAIK menekankan penghayatan agama Islam dalam pentadbirannya di Kedah. Usaha ini mendapat sokongan dan galakan daripada Sultan Kedah, Sultan Abdul Hamid. Disebabkan usaha-usaha inilah membolehkan kerajaan Kedah mengukuhkan sistem pentadbiran Islam di Kedah seperti harta-harta wakaf dan baitumal, pengurusan dakwah dan pendidikan agama. Secara keseluruhan, aspek-aspek tersebut membawa kepada kesejahteraan rakyat Kedah, meskipun peranan MAIK pada peringkat awal masih bersifat terhad.

Perlis

Islam telah lama memainkan peranan penting dalam membentuk sistem pemerintahan di Perlis, di mana prinsip-prinsip syariah dijadikan panduan utama dalam urusan pentadbiran. Buktinya, Kadi Besar mengetuai perundangan di negeri ini sehingga tahun 1920 kerana Perlis menggabungkan bidang kerja mufti, hakim dan penasihat di bawah tanggungjawab Kadi Besar.⁶⁹ Terjadi arus perubahan pada tahun tersebut akibat penubuhan Mahkamah Syariah yang membawa kepada kewujudan satu institusi yang menegakkan keadilan berasaskan peraturan Islam. Institusi ini dikenali sebagai Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) yang ditubuhkan pada tahun 1949 berdasarkan *Islamic Religion and Malay Customs Council Enactment No.1/1949*

⁶⁵ Siti Khadijah Abd Ghani, "Peranan Majlis Agama Islam Kedah (MAIK) dalam Menangani Ajaran Sesat di Kedah," 66.

⁶⁶ Siti Khadijah Abd Ghani, "Peranan Majlis Agama Islam Kedah (MAIK) dalam Menangani Ajaran Sesat di Kedah," 40.

⁶⁷ Fauziyah Nordin, "Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kedah: Struktur Organisasi dan Peranan," 45.

⁶⁸ Madrasah al-Hamidiyah telah dibangunkan semenjak tahun 1908 dan berkembang pesat sejak tahun 1945 di bawah pentadbiran MAIK. Sila lihat Siti Fathiah Abd Latif dan Mahani Musa, "Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) and Modernisation of Malay Education, 1917-1957": 242. Lihat juga, Kamaruzzaman Bustamam dan Ahmad Patrick Jory, *Islamic Studies and Islamic Education: In Contemporary Southeast Asia*, (Yayasan Ilmuan, 2011), 37.

⁶⁹ Kadi Besar pertama Perlis ialah Tuan Syed Abdullah al-Hadad. Sila lihat Marina Abu Bakar et. al, "Transformasi Tadbir Urus Wakaf oleh Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs), 115.

setelah diluluskan oleh kerajaan negeri Perlis.⁷⁰ Tugas Majlis ini juga untuk memelihara kesucian Islam.

Pengerusi MAIPs adalah Raja Muda Perlis dan dibantu oleh 16 orang ahli yang dipilih sendiri oleh Tuaku Raja Perlis.⁷¹ Idea asal pemerintah Perlis ketika membangunkan MAIPs ialah bagi menguruskan hal ehwal agama Islam, Baitulmal, Mahkamah Syariah dan jawatan Mufti. Mahkamah Syariah mempunyai kuasa autoriti terhadap urusan-urusan nikah, cerai dan rujuk serta kewajipan menyampaikan informasi kepada masyarakat mengenai kepentingan institusi keluarga bagi mengurangkan pertelingkahan dalam keluarga. Terdapat beberapa enakmen yang menjadi rujukan kepada Mahkamah Syariah iaitu *The Muhammadan Marriages (Separation) Amendment Enactment No. 14* dan *Shariah Court Enactment No. 5*.⁷² Seiring dengan peredaran waktu, tugas MAIPs semakin bertambah kepada pengurusan kutipan zakat, mengeluarkan fatwa dan mengawasi pendidikan Islam yang berteraskan al-Quran.⁷³

Selain itu, MAIPs juga terlibat dalam pengurusan masjid dan perkuburan orang Islam, selain turut terlibat dalam mengukuhkan kefahaman tentang agama, etika, isu semasa, atau dalam apa-apa saja bidang ceramah serta dakwah sering diadakan di surau-surau dan masjid-masjid. Masjid-masjid dan surau-surau dipilih sebagai lokasi dakwah kerana senang dikunjungi oleh orang ramai. Sekali lagi, negeri Perlis menyusun undang-undang iaitu *Shariah Court Enactment* pada tahun 1930 sehingga memberi kesan kepada tadbir urus MAIPs.⁷⁴ Berpandukan perundangan tersebut, Majlis mempunyai tugas baharu iaitu mencari dan membekalkan tenaga pengajar agama yang berkemahiran tinggi kepada pelajar-pelajar di sekolah agama. Segala kitab yang dirujuk oleh guru dalam pengajaran perlu terlebih dahulu diluluskan oleh Raja Syed Alwi.

Pada masa yang sama, Majlis turut menubuhkan sebuah jawatankuasa baharu iaitu Jawatankuasa Perusahaan yang berkhidmat dalam menguruskan zakat. Jawatan ini diperkenalkan bagi memuaskan hati rakyat kerana sebelumnya, tidak ada mana-mana pihak yang ditugaskan secara rasmi untuk mengutip zakat pada tahun 1932.⁷⁵ Menteri Besar Perlis yang keempat telah menghadap Raja Perlis untuk mengusulkan bagi menubuhkan sebuah badan kerajaan yang menguruskan kutipan zakat. Justeru, berdasarkan Undang-undang No.3 Negeri tahun 1932, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Perlis telah menguatkuasakan Peraturan Mengutip Zakat dan Fitrah.⁷⁶ Lalu, dengan adanya sistem kutipan dan pengagihan zakat yang lebih terancang menyebabkan rakyat berpuas hati dengan pentadbiran MAIPs.

⁷⁰ Nur Nasuha Zulkifli, Marina Abu Bakar, dan Syed Aisam Syed Idris al-Habshe, "The Metamorphosis of Zakat Management in Perlis: Analysis of Literature and Historical Review," *Human Resource Management Academic Research Society* 12, no. 2, (2023): 401. Lihat juga Fathullah Asni, "Pengurusan Kutipan dan Agihan Zakat oleh MAIPs ketika Covid-19 Di Negeri Perlis: Suatu Sorotan Kajian," *International Journal of Islamic Economics and Finance (IJIEF)* 4, no. 2, (2021): 6.

⁷¹ Siti Shahara Yaakub, "Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPS): Sejarah dan Sumbangannya Terhadap Masyarakat Setempat," (Latihan Ilmiah B.A., Universiti Malaya, 2003), 22.

⁷² Yusuf Abdul Aziz, Luqman Zaqariah, dan Ahmad Zaki Salleh, "Condification of Family Law in Malaysia: The Contending Legal Intricacies," *Science International* 28, no. 2, (2016): 1754.

⁷³ Hazman Hassan et al., "Pengaplikasian Rukhsah dalam Kurikulum Sekolah Agama Petang Perlis (Sapps), Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs)," *International Journal of Education, Psychology and Counselling* 9, no. 54, (2024): 345.

⁷⁴ Marina Abu Bakar et al., "Transformasi Tadbir Urus Wakaf oleh Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs)," 115

⁷⁵ Nur Nasuha Zulkifli, Marina Abu Bakar, dan Syed Aisam Syed Idris al-Habshe, "The Metamorphosis of Zakat Management in Perlis: Analysis of Literature and Historical Review," 415.

⁷⁶ Marina Abu Bakar et al., "Transformasi Tadbir Urus Wakaf oleh Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs)," 115

Ringkasnya, tahun 1920 merupakan tempoh awal usaha pentadbiran Agama Islam di negeri Perlis sehingga membawa kepada pembangunan MAIPs. MAIPs ketika itu hanyalah sebuah sekretariat pentadbiran agama di bawah naungan raja. Meskipun begitu, MAIPs secara rasmi sebagai sebuah badan kerajaan di bawah Perlembagaan Negeri Perlis 1948 dalam Perkara 6 pada tahun 1948. Oleh itu, secara rasminya MAIPs diiktiraf melalui perundangan sebagai institusi rasmi yang membantu dan menasihati Raja Perlis dalam hal berkaitan agama Islam dan adat istiadat Melayu. MAIPs berperanan penting sebagai tulang belakang dalam mengurus hal ehwal agama Islam dan adat setempat. Melalui pengurusan zakat, wakaf, kebajikan masyarakat serta pembangunan pendidikan agama, MAIPs berjaya memastikan kesejahteraan umat Islam di Perlis terus terjamin. Sumbangan ini menjadikan MAIPs bukan sekadar institusi pentadbiran, tetapi juga simbol perpaduan dan kekuatan identiti Islam di negeri Perlis.

Terengganu

Sejak dari awal lagi, Terengganu telah memasukkan unsur-unsur Islam dalam sistem pemerintahan di negeri ini. Amalan Islam yang meluas di Terengganu merupakan salah satu faktor terbesar yang menjadikan unsur-unsur Islam dimasukkan ke dalam pentadbiran. Perkara ini jelas terbukti apabila jawatan Mufti dan Kadi diwujudkan supaya Sultan mempunyai penasihat dalam pelbagai hal kerana individu yang memegang kedua-dua jawatan ini selalunya mempunyai ilmu pengetahuan yang tinggi.⁷⁷ Ketika Sultan Zainal Abidin III memegang tampuk pemerintahan, baginda mendirikan Pejabat Pesuruhjaya Agama dan Keadilan pada tahun 1920 yang diselaraskan dengan peraturan-peraturan “Negeri dan Pejabat-pejabat Kerajaan.”⁷⁸ Baginda berpendapat penubuhan pejabat ini penting untuk melahirkan masyarakat yang menjadikan Islam sebagai cara hidup yang sempurna, menegakkan keadilan mengikut hukum-hakam Islam dan memberi kebaikan dan khidmat kepada orang ramai.⁷⁹ Seawal penubuhannya, jawatan yang diletakkan di bawah Pejabat Pesuruhjaya Agama dan Keadilan hanyalah terdiri daripada Kadi, Mufti, Syeikhul Islam dan Nazir al-masjid.⁸⁰

Menantu Sultan Zainal Abidin III iaitu Tengku Ngah Umar dilantik menjadi Ketua Pejabat Pesuruhjaya Agama dan Keadilan yang pertama berkuatkuasa pada tahun 1920.⁸¹ Tengku Ngah Umar bertindak menyusun atur dan seterusnya membahagikan tugas-tugas semua jawatankuasa agar setiap individu hanya memfokuskan kepada kerja masing-masing tanpa masuk campur tugas-tugas lain. Misalnya, Pesuruhjaya Hal Ehwal Agama Islam yang berperanan menguruskan pentadbiran jabatan, melaksanakan dasar Undang-undang Pentadbiran Hukum Syarak, memastikan ajaran agama Islam di Terengganu terus berkembang pesat serta berkhidmat terhadap Sultan.⁸² Mufti pula bertanggungjawab dalam mengeluarkan fatwa yang melibatkan hukum syarak. Kadi Besar pula bertugas menguruskan pengadilan di seluruh Terengganu manakala kadi pula mempunyai skop kerja yang sama tapi hanya di peringkat daerah. Setiausaha Pejabat Agama pula memegang peranan sebagai penolong ketua pejabat dengan menyelia kerja-kerja kakitangan Pejabat Agama.

⁷⁷ Mufti Terengganu yang pertama ialah Syeikh Abdul Kadir Bukit Bayas. Sila lihat, Tuan Ruhani Tuan Sheriff, “Pentadbiran Agama Islam di Terengganu dari Tahun 1911 Hingga 1930-an,” *JEBAT* 13, no. 85, (1984): 113.

⁷⁸ Heather Sutherland, “The Transformation of the Trengganu Legal Order,” 16.

⁷⁹ Engku Asbah Zammi Engku Wok Zin, “Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu: Satu Kajian Mengenai Peranannya dan Perkembangan Islam” (Latihan Ilmiah, Univerisiti Malaya, 1989), 42.

⁸⁰ Tuan Ruhani Tuan Sheriff, “Pentadbiran Agama Islam di Terengganu dari Tahun 1911 Hingga 1930-an,” 113.

⁸¹ Heather Sutherland, “The Transformation of the Trengganu Legal Order,” 16.

⁸² Heather Sutherland, “The Transformation of the Trengganu Legal Order,” 28.

Pejabat ini juga dipecahkan kepada enam bahagian iaitu Bahagian Fatwa, Bahagian Nikah, Cerai dan Wali Hakim, Bahagian Kehakiman, Bahagian Masjid, Bahagian Mahkamah Kadi dan Bahagian Pendidikan.⁸³ Walaupun setiap bahagian dipisahkan kerana tidak mahu berlakunya pemusatan kuasa, namun setiap bahagian tetap saling berkaitan dan bekerjasama antara satu sama lain agar dapat mencapai objektif utama organisasi tersebut. Seperti mana motif penubuhan Pejabat Pesuruhjaya Agama dan Keadilan iaitu untuk menegakkan keadilan mengikut hukum-hakam Islam, lantas perundangan negeri diletakkan di bawah pentadbiran badan kerajaan ini. Ekoran itu, Mahkamah Syariah dibangunkan di Terengganu oleh Pejabat Pesuruhjaya Agama dan Keadilan sebagai satu imej kesaksamaan untuk umat Islam.⁸⁴ Mahkamah Syariah mempunyai bidang kuasa dalam hal ehwal perceraian, tuntutan nafkah isteri dan anak, pengurusan harta pusaka dan wakaf serta mengendalikan proses untuk mereka yang ingin masuk Islam. Tambahan lagi, mahkamah ini turut memainkan peranan yang signifikan dalam kes-kes jenayah seperti rompakan, mencuri haiwan ternakan, dan membunuh.

Seterusnya, Pejabat ini juga membimbing orang awam tentang ajaran sebenar agama Islam. Tugas ini diletakkan di bawah tanggungjawab Bahagian Dakwah. Kebanyakan ceramah diadakan di masjid-masjid dan surau-suru kerana senang untuk diselia oleh ahli masjid. Ahli-ahli masjid yang berada di bawah Bahagian Masjid turut dipilih oleh Bahagian Dakwah. Satu masjid hanya memerlukan tidak lebih daripada tiga orang imam dan bilal dan mereka ini dipilih atas kriteria-kriteria yang ditetapkan seperti mempunyai kefahaman agama yang baik.⁸⁵ Hal ini demikian kerana, golongan inilah yang memimpin aktiviti-aktiviti keislaman seperti solat berjemaah dan pengurusan jenazah. Imam turut dilantik menjadi jurunikah dan mereka haruslah mengambil tahu dan menghukum kaum lelaki yang tidak solat Jumaat.⁸⁶

Selain itu, persediaan yang rapi amat penting untuk memastikan jemaah haji betul-betul bersedia untuk menunaikan Rukun Islam kelima, iaitu ibadah haji. Sehubungan itu, Bahagian Masjid turut menyediakan seorang guru agama setiap kali musim haji kepada bakal-bakal haji yang hendak mengerjakan ibadah haji di Makkah. Segala perbelanjaan diuruskan oleh pihak Pejabat Pesuruhjaya Agama dan Keadilan sekali gus memudahkan para peserta. Bidang tugas Pejabat Pesuruhjaya Agama dan Keadilan semakin meluas apabila mendapat pengiktirafan dan semakin dikenali oleh orang ramai. Oleh itu, terdapat keperluan untuk mewujudkan jawatan baru agar urusan pentadbiran berjalan lancar. Antara jawatan baru yang diwujudkan ialah Jawatan Pesuruhjaya Hal Ehwal Agama, setiausaha kadi dan nazir sekolah.⁸⁷ Bukan itu sahaja, Pejabat ini juga merupakan organisasi pertama di Terengganu yang mewajibkan peguam dan penulis untuk mendapatkan lesen sebagai syarat untuk mereka beroperasi.⁸⁸ Bahagian Baitulmal pula diwujudkan hanya pada tahun 1930-an dan penggunaan harta ini dikawal dengan ketat iaitu hanya boleh digunakan setelah diluluskan berdasarkan hukum agama.⁸⁹ Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Terengganu (MAIDAM) pula hanya ditubuhkan pada tahun 1949 dan seterusnya mengambil alih

⁸³ Engku Asbah Zammi Engku Wok Zin, *Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu*, 42.

⁸⁴ Engku Asbah Zammi Engku Wok Zin, *Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu*, 52.

⁸⁵ Jawatan Imam dan Bilal ini sering kali menjadi rebutan kerana disanjung oleh masyarakat. Sila lihat Tuan Ruhani Tuan Sheriff, "Pentadbiran Agama Islam di Terengganu dari Tahun 1911 hingga 1930-an," 137.

⁸⁶ Tuan Ruhani Tuan Sheriff, "Pentadbiran Agama Islam di Terengganu dari Tahun 1911 hingga 1930-an," 137.

⁸⁷ Misbaha, "Penubuhan Jawatan-Jawatan Baru" *Suara Jabatan Terengganu*, no. 7, Februari (1998), 16.

⁸⁸ Tidak dapat dikenal pasti pada tahun bilakah Pejabat ini mengeluarkan lesen untuk para peguam namun tugas ini mula diambil alih oleh mahkamah pada tahun 1950. Sila lihat Tuan Ruhani Tuan Sheriff, "Pentadbiran Agama Islam di Terengganu dari Tahun 1911 Hingga 1930-an," 126.

⁸⁹ Pegawai-pegawai yang dilantik dalam Bahagian Baitulmal ini mestilah beragama Islam. Sila lihat Tuan Ruhani Tuan Sheriff, "Pentadbiran Agama Islam di Terengganu dari Tahun 1911 Hingga 1930-an," 139. Lihat juga Mohd Ali Mohd Yusof, "Kedudukan Baitulmal Sebagai Waris Asabah Menurut Syariat Islam dan Amalan di Negeri Terengganu," *BITARA* 5, no. 4, (2022):67.

tugas-tugas Pejabat Pesuruhjaya Agama dan Keadilan ini.⁹⁰ Penubuhan MAIDAM berlaku agak lewat kerana sebelum penubuhannya, urusan pentadbiran Islam di Terengganu dikendalikan oleh beberapa pejabat dan bahagian tertentu secara berasingan seperti Pesuruhjaya Hal Ehwal Agama. Selepas penubuhan MAIDAM, fungsi dan tanggungjawab yang sebelum ini dilaksanakan oleh pejabat tersebut disatukan dan diletakkan di bawah pentadbiran MAIDAM seperti yang dinyatakan dalam Undang-Undang Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu 1949.⁹¹ Tuntasnya, walaupun penubuhan MAIDAM agak lewat berbanding negeri-negeri lain iaitu pada 1949, namun Terengganu tetap unggul dalam memelihara serta memperkukuh agama Islam di negerinya.

Negeri Sembilan

Sebelum merdeka, Negeri Sembilan merupakan negeri Melayu terakhir yang menubuhkan Majlis Agama Islam. Majlis Agama Islam di Negeri Sembilan (MAINS) ditubuhkan pada tahun 1950⁹² atas usaha dan idea Menteri Besar Negeri Sembilan iaitu Datuk Abdul Malek. Ekoran penggubalan Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Sembilan turut mendorong pemerintah untuk mengasaskan sebuah pertubuhan yang menjunjung tinggi ajaran Islam. Segala hal yang berkaitan pentadbiran Islam diuruskan oleh Majlis ini termasuklah penggubalan dasar-dasar negeri. Pada awal pentadbiran, organisasi ini terdiri daripada Pengerusi yang merupakan seorang anggota daripada Majlis Mesyuarat Kerajaan, Yang DiPertua, Mufti, Kadi Besar dan dan Kadi Kariah.⁹³

Bidang utama yang dipertanggungjawab oleh MAINS ialah zakat dan fitrah. Tugas kakitangan MAINS ialah menentukan harta yang dikenakan zakat, jumlah dan kadarnya, membuat pungutan serta mengagihkannya.⁹⁴ Pengurusan zakat berada di bawah seliaan pegawai-pegawai Baitulmal dan diselia oleh Pengarah Zakat dan Fitrah Negeri. Seramai tujuh orang pegawai utama dilantik bagi memantau pelaksanaan tugas para amil di setiap daerah, merangkumi Jelebu, Tampin, Port Dickson, Rembau, Jempol, Kuala Pilah dan Seremban. Selain itu, MAINS juga terlibat secara langsung dalam pelaksanaan Bahagian Dakwah dengan tujuan untuk menyebarkan ajaran Islam berpaksikan hukum syarak. Majlis bergiat aktif dalam melaksanakan pelbagai program untuk anak yatim, para mualaf dan masyarakat kerana tidak mahu ada golongan yang berasa tersisih sejak awal penubuhannya.⁹⁵ MAINS sedar golongan inilah yang paling memerlukan panduan, tunjuk ajar dan motivasi daripada Majlis untuk terus memberi semangat kepada mereka. Selain itu, Majlis turut menyumbangkan sedikit wang zakat kepada golongan mualaf setiap bulan.⁹⁶ Aktiviti dakwah ini dijalankan di masjid, justeru MAINS amat menitikberatkan kebersihan masjid untuk menarik orang ramai datang ke masjid. Tenaga pengajar turut disediakan di masjid dan surau untuk memudahkan masyarakat bertanya secara langsung tentang sebarang kemusykilan berkaitan isu agama kepada mereka yang lebih berilmu.

⁹⁰ Azarudin Awang dan Khadijah Hambali, "Peranan MAIDAM dalam Pengurusan Saudara Baru Melalui Pendekatan Dialog Kehidupan," *Global Journal Al-Thaqafah* 6, no. 2, (2016):116.

⁹¹ Azarudin Awang dan Khadijah Hambali, "Peranan MAIDAM dalam Pengurusan Saudara Baru Melalui Pendekatan Dialog Kehidupan," 16.

⁹² Undang-Undang Negeri Sembilan, *Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003*, 88.

⁹³ Noraminah Othman, "Perkembangan Mutakhir Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam di Negeri Sembilan Darul Khusus," (Latihan Ilmiah, Fakulti Syariah, Universiti Malaya, 1993), 5.

⁹⁴ Noraminah Othman, "Perkembangan Mutakhir Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam di Negeri Sembilan Darul Khusus," 37.

⁹⁵ Siti Nur Aqilah Jefri, "Peranan Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) dalam Membanteras Ajaran Sesat di Negeri Sembilan, 1980-1991" (Latihan Ilmiah, Universiti Malaya, 1993), 37.

⁹⁶ Hairunnizam Wahid, "Kesan Bantuan Zakat Terhadap Kualiti Hidup Asnaf Fakir Miskin," *The Journal of Muamalat & Islamic Finance Research* 1, no. 1, (2004): 98.

Bukan itu sahaja, MAINS juga mementingkan aspek pendidikan dan persekolahan. Susulan itu, MAINS berfungsi dalam menyelia pentadbiran pendidikan di sekolah agama. Para pengetua untuk sekolah agama ini juga telah dilantik dalam kalangan guru yang telah berkhidmat sebagai tenaga pengajar semenjak tahun 1953.⁹⁷ Tuntasnya, Negeri Sembilan adalah negeri Melayu terakhir yang menubuhkan MAIN sebelum kemerdekaan Tanah Melayu. Walaupun ditubuhkan paling akhir, namun peranan Majlis ini berkembang pesat dalam mengurus hal ehwal agama Islam termasuk zakat, wakaf, pendidikan agama dan kebajikan umat. Usaha ini membolehkan umat Islam di Negeri Sembilan kekal sejahtera serta nilai adat dan agama terus terpelihara hingga ke hari ini.

Kesimpulan

Tuntasnya, MAIN pada peringkat awal penubuhannya adalah reaksi umat Islam kepada British yang mengabaikan perundangan dan hal ehwal Islam. Susulan itu, pemerintah negeri Kelantan mengambil inisiatif menubuhkan sebuah institusi khusus bagi mengawal selia urusan agama Islam. Usaha ini kemudiannya menjadi model dan mendorong penubuhan MAIN di Negeri-Negeri Melayu yang lain. Walaupun kebanyakan MAIN mempunyai kuasa yang terbatas, iaitu sering kali hanya berautoriti dalam urusan zakat, masjid dan nikah, namun, kuasa Majlis semakin berkembang dari tahun ke tahun. Terbuktilah, bahawa Majlis semakin mendapat kepercayaan bukan hanya daripada golongan pemerintah tetapi juga dalam kalangan masyarakat. Perkembangan MAIN bukan hanya penting untuk kesejahteraan penduduk, tetapi secara tidak langsung menjadi faktor pendukung kepada proses menuju kemerdekaan Tanah Melayu.

Hujah ini diperkukuhkan melalui tugas Majlis yang terlibat dalam pendidikan dan penerbitan majalah. MAIJ pernah menghantar pelajar-pelajar ke luar negara seperti di Kaherah, Mesir sekali gus telah membuka minda mereka kepada pemikiran politik moden yang seterusnya menyumbang kepada pembentukan kesedaran untuk mencabar penindasan penjajah. Begitu juga dengan sumbangan MAIK dalam penerbitan majalah yang membantu rakyat keluar daripada sikap pasif di bawah pengaruh pentadbiran penjajah. Negeri Melayu terakhir yang menubuhkan MAIN sebelum merdeka ialah Negeri Sembilan iaitu pada tahun 1950. Makalah ini tidak membincangkan penubuhan MAIN selepas merdeka iaitu di Melaka dan Pulau Pinang kerana kedua-dua negeri ini menubuhkan MAIN pada tahun 1960. Hal ini kerana perbincangan tentang penubuhan MAIN selepas merdeka tertakluk kepada perlembagaan dan perundangan sebuah negara berdaulat berbanding sebelum merdeka. Sehingga kini, MAIN masih menjadi antara tonggak utama dalam menjaga urusan agama Islam di Malaysia. Hal ini kerana, peranan MAIN bukan sahaja bagi mengukuhkan agama Islam sebagai agama rasmi Persekutuan tetapi juga menguruskan pentadbiran Islam di peringkat negeri yang berada di bawah kuasa Raja-Raja Melayu.

Rujukan

Abd Ghani, Siti Khadijah, “Peranan Majlis Agama Islam Kedah (MAIK) dalam Menangani Ajaran Sesat di Kedah.” Latihan Ilmiah, Universiti Malaya, 2000, 40-66.

Abd Latif, Siti Fathiah dan Musa, Mahani, “Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) dan Pemodenan Pendidikan di Kelantan, 1917-1957.” *JEBAT* 48, no. 1, (2012): 6-7.

⁹⁷ Noraminah Othman, “Perkembangan Mutakhir Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam di Negeri Sembilan Darul Khusus,” 45.

Abd Latif, Siti Fathihah dan Musa, Mahani, "Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) and Modernisation of Malay Education, 1917-1957." *Journal of Al-Tamaddun* 17, no. 2 (2022): 245.

Abdul Aziz, Yusuf, Zaqariah, Luqman, dan Salleh, Ahmad Zaki, "Condification of Family Law in Malaysia: The Contending Legal Intricacies." *Science International* 28, no. 2, (2016):1754.

Abdul Rahman, Muhammad Izuan, "Peranan Pemerintah dan Golongan Intelektual dalam Mempertahankan Kedaulatan Johor, 1862-1957." *Sejarah* 8, no. 12, (2015): 58-59.

Abdul Samad, Yunan, "Jabatan Agama Islam Pahang: Keberkesanannya dalam Melaksanakan Agenda Islam." Latihan Ilmiah, Universiti Malaya, 1995, 22-38.

Abu Bakar, Marina, Ahmad, Shofian, Salleh, Ahmad Dahlan, Md Salleh, Mohd Fairuz, "Transformasi Tadbir Urus Wakaf oleh Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs). *Sains Insani* 5, no. 1, (2020): 16-115.

Annual Report of Kelantan for the Year 1909, 7.

Asni, Fathullah, "Pengurusan Kutipan dan Agihan Zakat oleh MAIPs ketika Covid-19 Di Negeri Perlis: Suatu Sorotan Kajian." *International Journal of Islamic Economics and Finance (IJIEF)* 4, no. 2, (2021): 6.

Awang, Azarudin dan Hambali, Khadijah, "Peranan MAIDAM dalam Pengurusan Saudara Baru Melalui Pendekatan Dialog Kehidupan." *Global Journal Al-Thaqafah* 6, no. 2, (2016): 116.

Azhar, Alias, "Wakaf Kaki Majlis Agama Islam Kedah (Maik): Kajian Kes di Daerah Kota Setar." *Journal of Human Development and Communication*, no. 6, (2017): 101.

Badli Shah Alaudin dan Fahmi Zaidi, "Program 'Tafaquh Fiddin' Anjuran Kerajaan Negeri Pahang di Masjid-Masjid di Negeri Pahang: Suatu Sorotan," *Al-Mimbar: International Journal of Mosque, Zakat and Waqaf Management* 2, no. 2, (2022): 74.

Bahagian Pendidikan Jabatan Agama Islam Pahang, "Sejarah JAIP," *Sekolah Menengah Agama Pahang*, diakses 6 Jun 2024, <https://sman.pahang.edu.my/jaip/about>.

Basri, M. A. Fawzi. *Warisan Sejarah Johor*. Dewan Bahasa dan Pustaka, 1984.

Constitution of Religious and Customary Committee of State for Selangor, 21 Disember 1933, Sel.Sec. G. 1487/1933, 2.

Daud, Mohd Zaidi, Mat Hussin, Mohd Norhusairi dan Syed Mohamad, Syed Alawi Mahdi, "Pembangunan Tamadun Melalui Wakaf Keluarga: Analisis dari Perspektif Sejarah Islam." *Journal of Al-Tamaddun* 18, no. 2, (2023): 84.

Engku Wok Zin, Engku Asbah Zammi, "Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu: Satu Kajian Mengenai Peranannya dan Perkembangan Islam." Latihan Ilmiah, Universiti Malaya, 1989, 42-52. Ghani, Mohd Fadhl. *Kelantan: Islam, Ulama dan Politik*. Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad, 2023.

Hafiz Othman, Ermy Azziaty Rozali, dan Napisah Karimah Ismail, “Majalah Ahkam Johor: Sumbangannya dalam Perkembangan Islam di Johor pada Akhir Abad ke 19,” *Journal of Al-Tamaddun* 16, no. 2, (2021):1

Hairunnizam Wahid, “Prestasi Kecekapan Pengurusan Kewangan dan Agihan Zakat: Perbandingan antara Majlis Agama Islam Negeri di Malaysia.” *Jurnal Ekonomi Malaysia* 51, no. 2: 34-35.

Harun, Nor Mukshar, “Jabatan Agama Islam Pahang: Peranan dan Sumbangannya ke Arah Perkembangan Islam.” Latihan Ilmiah, Univerisiti Malaya, 1995, 31.

Hassan, Abdullah Alwi. *The Administration of Islamic Law in Kelantan*. Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996.

Hassan, Hazman, Ishak, Muhammad Isyraf, Nor Abd Aziz, Mohd Kasturi, Dahaman @ Dahlan, Mohd Akram, Mohd Noor, Mohd Nazim, “Pengaplikasian Rukhsah dalam Kurikulum Sekolah Agama Petang Perlis (Sapps), Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs).” *International Journal of Education, Psychology and Counselling* 9, no. 54, (2024): 345.

Jefri, Siti Nur Aqilah, “Peranan Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) dalam Membanteras Ajaran Sesat di Negeri Sembilan, 1980-1991.” Latihan Ilmiah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1993, 37.

Juffri, Abd Latif dan Al- Jauhari, Jainal Sakiban. *Sejarah Perkembangan Pentadbiran Agama Islam Negeri Johor*. Majlis Agama Islam Johor, 2007.

Keputusan Meshuarat yang Ka-delapan Belas Kali yang diadakan pada 27 Februari 1939, bersamaan dengan 7th Muharram tahun 1358, Jam Pukul 10.30 pagi di-Astana Mahkota, Klang dalam fail *Religious and Customary Committee, 1939, Minutes of Meetings*, 15 Mac 1939, Sel. Sec 500/1939, 2

Keputusan Meshuarat yang Ka-Empat Belas yang diadakan pada 13th January 1938, bersamaan dengan 12 Hari-Bulan Zulka’edah Tahun 1356, Jam Pukul 10 pagi di-Astana Mahkota, Klang dalam fail *Minutes of Meetings Religious and Customary Committee*, 21 Januari 1938, Sel. Sec. 273/1938, 6.

Keputusan Meshuarat yang ke-10 yang diadakan pada 12 November, 1936, Bersamaan dengan 27 Sha’ban, 1355 Jam Pukul 10 Pagi Di-Astana Mahkota, Klang, dalam fail *Meetings of the Religious and Customary Committee of the State*, 9 September 1937, Sel. Sec 827/1935, 11-12.

Keputusan Meshuarat yang Kedua Blas yang diadakan pada 26th June 1937, bersamaan dengan 16th Rabi-ul-akhir Tahun 1356, Jam Pukul 10 pagi di-Astana Mahkota, Klang dalam fail *Meetings of the Religious and Customary Committee of the State*, 9 September 1937, Sel. Sec. 827/1935, 15.

Keputusan Meshuarat yang kesembilan yang diadakan pada 30 Jun, 1936, Bersamaan Dengan 10 Rabbi’ al-Akhir, 1355 Jam Pukul 10.30 Pagi Di-Astana Mahkota, Klang, dalam fail *Meetings of the Religious and Customary Committee of the State*, 9 September 1937, Sel. Sec 827/1935, 11-12.

- Penubuhan dan Sumbangan Majlis Agama Islam di Negeri-Negeri Melayu, Prakemerdekaan, 1915-1957*
 Mahmud, Abdul Razak. *MAIK: Peranannya dalam Bidang Keagamaan, Persekolahan dan Penerbitan di Kelantan Sehingga 1990*. Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010.
- Mat Daud, Mohamad Hilmie dan Che Daud, Burhan, "Sejarah dan Latar Belakang Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) Sebagai Agensi Pengurus Wakaf di Negeri Kelantan." *International Online Journal of Language, Communication, and Humanities* 1, no. 1, (2018): 58.
- Mesyuarat Negeri yang ke-40 telah Mengangkat YTM Tengku Besar Pahang Menjadi Ahli Mesyuarat Jawatankuasa Berkenaan dengan Mengutip Zakat dan Fitrah dalam Negeri Pahang ini, 13 Januari 1933, Pah. Sec 90/33
- Mesyuarat Negeri yang ke-64 Menetapkan Kedudukan Jabatan Ugama Pahang dan Perhubungan Dengan Majlis Ugama, 27 Mac 1956, Pah. Sec 345/1962, 2.
- Mohd Noor, Arbai'yah, Nordin, Mardiana dan Abdullah, Mohd Firdaus. "Pendidikan Agama Islam di Johor Bharu, 1857-1957," dalam *40 Tahun Jurnal Purbal 1982-2021*, ed. Abdullah Zakaria Ghazali. Exmedia Communication, 2021.
- Mohd Yusof, Mohd Ali, "Kedudukan Baitulmal Sebagai Waris Asabah Menurut Syariat Islam dan Amalan di Negeri Terengganu," *BITARA* 5, no. 4, (2022):67.
- Nazri Muslim, "Institusi Raja-Raja Melayu: Peranannya dalam Memelihara Kedudukan Islam dari Sudut Perlembagaan," *International Journal of the Malay World and Civilisation* 2, no. 2, (2014): 123.
- Nordin, Fauziyah, "Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kedah: Struktur Organisasi dan Peranan." Latihan Ilmiah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1990, 11-45.
- Othman, Mohd Hafiz, Rozali, Ermy Azziaty, dan Ismail, Napisah Karimah, "Majalah Ahkam Johor: Sumbangannya dalam Perkembangan Islam di Johor pada Akhir Abad ke 19." *Journal of Al-Tamaddun* 16, Bil.2, (2021):1.
- Othman, Noraminah, "Perkembangan Mutakhir Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam di Negeri Sembilan Darul Khusus." Latihan Ilmiah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1993.
- Siti Fathihah Abd Latif dan Mahani Musa, "Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) and Modernisation of Malay Education, 1917-1957," *Journal of Al-Tamaddun* 17, no. 2 (2023): 245.
- Surat Pateh bin Mat Sah, *President Muslim Religious Affairs Selangor*, kepada Sultan Hisamuddin Alam Shah dalam fail *Report of the Committee Appointed to Draft Legislation Relating to Muslim Law and Religion and the Malay Customs*, 7 November 1951, Sel. Sec. No. 2322/1951, 2.
- Sutherland, Heather, "The Transformation of the Trengganu Legal Order." *Journal of Southeast Asian Studies* 11, no. 1, (1984): 16-28
- Tuan Sheriff, Tuan Ruhani, "Pentadbiran Agama Islam di Terengganu dari Tahun 1911 Hingga 1930-an." *JEBAT* 13, no. 85, (1984): 113-137.

Undang-Undang Negeri Sembilan. *Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003*. Percetakan Nasional Malaysia, 2004.

Wahid, Hairunnizam, “Kesan Bantuan Zakat Terhadap Kualiti Hidup Asnaf Fakir Miskin.” *The Journal of Muamalat & Islamic Finance Research* 1, no. 1, (2004): 98.

Yaakub. Siti Shahara, “Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs): Sejarah dan Sumbangannya Terhadap Masyarakat Setempat.” Latihan Ilmiah B.A., Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2003.

Yusofe, Siti Nora, “Peranan Jabatan Agama Islam Johor dalam Membasmi Ajaran Sesat di Johor.” Latihan Ilmiah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1990.

Zulkifli, Nur Nasuha, Bakar, Marina Abu, dan Syed Idris al-Habshe, Syed Aisam, “The Metamorphosis of Zakat Management in Perlis: Analysis of Literature and Historical Review.” *Human Resource Management Academic Research Society* 12, no. 2, (2023): 401-415.